

BM - 1 OCT 1992

Mahathir bidas sengketa isu Sukom

KUALA LUMPUR: Per-
siapan lengkap dan sem-
purna bagi memastikan
kejayaan Sukan Koman-
wel 1998 di Malaysia ada-
lah lebih penting dari-
yada yercakaran sesama
pemimpin dan pegawai
sukan. kata Datuk Seri Dr
Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri ber-
kata, jika semua pihak
menumpukan sukan tan-
pa mengira hak dan kedu-
dudukan mana-mana pe-
mimpin atau pegawai,
soal perlantikan Ketua
Eksekutif (CEO) Jawatan-
kuasa Penganjur Sukan
Komanwel (Sukom) boleh
diselesaikan segera.

"Yang penting kita
mempunyai persiapan cu-
kup untuk Sukan Koman-
wel. Jika nak dikira siapa
lebih tinggi, mengapa
orang itu tidak ditanya itu
dan ini, Inilah masalah bi-
dang sukan di Malaysia.

"Malah, pertandingan
dalam bilik mesyuarat
(pertubuhan sukan) lebih
kencang dan ghairah dari-
pada di atas padang bola.
Macam-macam berlaku,"
katanya selepas mepen-
gerusikan mesyuarat Maj-
lis Tertinggi (MT) Umno
di sirji semalam.

Perlantikan Jen (B) Tan
Sri Hashim Mohd Ali se-
bagai CEO Sukom dikata-
kan mengejutkan Majlis
Olimpik Malaysia (MOM)
sehingga mencetuskan sa-
lah faham di antara Pen-
gerusi Bersama Sukom,
Annuar Musa dan Tan Sri
Hamzah Abu Samah.

Ditanya kemungkinan
Jen Hashim dilantik seba-
gai Datuk Bandar Kuala
Lumpur, Perdana Men-
teri berkata, kerajaan be-
lum memilih calon.